

SKIM ZAMALAH
INSTITUT ALAM SEKITAR DAN PEMBANGUNAN (LESTARI)
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

1.0 PENGENALAN

Skim Zamalah ini diwujudkan untuk membina keupayaan penyelidik muda yang cemerlang di Malaysia sebagai generasi pelapis yang bakal meneraju inisiatif ke arah mencapai taraf negara maju pada tahun 2020 dan untuk memperkukuhkan keupayaan dan kebolehan rakyat Malaysia mencapai hasrat pembangunan seimbang dalam bidang ekonomi dan sosial tanpa menjejaskan alam sekitar dan sumber asli negara.

2.0 OBJEKTIF

Menggalakkan penyelidikan peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang sains, dasar dan governans kelestarian di Malaysia.

3.0 SYARAT-SYARAT DAN KELAYAKAN

1. Skim ini terbuka kepada **Warganegara Malaysia** sahaja.
2. Berumur tidak melebihi 35 tahun bagi pelajar Sarjana dan 43 tahun bagi pelajar Doktor Falsafah.
3. Pemohon mesti mempunyai kelulusan akademik yang cemerlang di Peringkat Sarjana Muda dengan PNGK melebihi 3.67. Untuk peringkat Doktor Falsafah, calon-calon yang mempunyai Ijazah Sarjana secara kerja kursus perlu juga mempunyai PNGK melebihi 3.67, manakala calon yang mempunyai Sarjana secara penyelidikan perlu lulus dengan baik.
4. Pemohon yang mendaftar sebagai pelajar Sarjana dan/atau Doktor Falsafah adalah untuk pengajian **Sepenuh Masa sahaja** dan Penyelia Utama mesti terdiri daripada kakitangan akademik di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM.
5. Pemohon yang menjawat jawatan tutor di mana-mana IPTA di Malaysia dan kakitangan kerajaan tidak layak memohon skim ini.
6. Pemohon yang berjaya tidak dibenarkan menerima sebarang sumber pembiayaan lain.
7. Pelajar yang berjaya mendapat Skim Zamalah LESTARI akan menikmati keistimewaan zamalah untuk tempoh satu (1) tahun dan akan dipertimbangkan untuk dilanjutkan tempoh tersebut berdasarkan laporan kemajuan atau prestasi yang memuaskan.
8. Sekiranya pelajar didapati tidak memenuhi syarat iaitu laporan kemajuan atau prestasi penyelidikan tidak memuaskan, maka Skim Zamalah ini boleh ditamatkan.

4.0 BENTUK BANTUAN

Calon yang telah berjaya menerima skim ini akan mendapat kemudahan seperti berikut:

1. Elaun bulanan
 - a. Sarjana - RM2000.00
 - b. Doktor Falsafah - RM2800.00
2. Pengecualian yuran pengajian yang mana ini akan dibiayai sepenuhnya oleh Skim Zamalah ini.

5.0 TEMPOH SKIM ZAMALAH

Sarjana	-	4 Semester sahaja
Doktor Falsafah	-	6 Semester sahaja

6.0 PROSES PEMILIHAN

1. Calon perlu mengemukakan cadangan dan kemajuan penyelidikan yang lengkap mengikut format yang disediakan dan dihantar bersama borang permohonan skim zamalah ini. Cadangan penyelidikan boleh ditulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
2. Setelah tapisan dilaksanakan calon-calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk membentangkan cadangan dan kemajuan penyelidikan yang dinilai oleh panel-panel penilai yang dilantik.
3. Calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temuduga oleh LESTARI.
4. Surat tawaran bersama-sama surat akuan penerimaan akan dihantar kepada pemohon yang berjaya.

7.0 FORMAT CADANGAN PENYELIDIKAN

Cadangan penyelidikan perlu mengandungi perkara-perkara berikut:

1. Tajuk (*Title*)
2. Pengenalan (*Introduction*)
3. Ulasan Literatur (*Literature review*)
4. Kerangka penyelidikan (*Research framework*)
5. Soalan kajian (*Research questions*)
6. Objektif (*Objectives*)
7. Kaedah dan pendekatan (*Methods and approach*)
8. Hasil penyelidikan yang dijangkakan (*Research output*)
 - a. Penemuan ilmu baru (*Potential new knowledge*)
 - b. Implikasi kepada polisi (*Implication on policy*)
 - c. Faedah kepada masyarakat (*Benefit to society*)
9. Jadual pelaksanaan penyelidikan (*Research schedule*)
10. Rujukan (*References*)

8.0 LANJUTAN TEMPOH

Pemohon yang berjaya mendapat Skim Zamalah LESTARI akan diberikan tempoh satu (1) tahun dan akan dipertimbangkan untuk dilanjutkan tempoh berdasarkan laporan kemajuan atau prestasi yang memuaskan. Tempoh lanjutan baru adalah untuk satu (1) tahun.

1. Pemohon boleh memuat turun borang permohonan lanjut tempoh di laman web LESTARI atau mendapatkan salinannya di Pejabat Am LESTARI.
2. Tempoh lanjutan yang dibenarkan adalah sehingga semester ke empat (4) bagi calon sarjana dan sehingga semester ke enam (6) bagi calon PhD.

3. Borang yang lengkap perlu dihantar ke LESTARI beserta laporan kemajuan semester. Sekiranya pelajar didapati tidak memenuhi syarat iaitu laporan kemajuan atau prestasi penyelidikan tidak memuaskan, maka Skim Zamalah ini boleh ditamatkan.
4. LESTARI akan mengeluarkan laporan pembayaran lanjut tempoh jika semua syarat pelanjutan dipenuhi.
5. Laporan pembayaran lanjut tempoh akan dihantar kepada Penyelia Utama, Ketua Pusat Penyelidikan, Bendahari dan pelajar.
6. Mekanisma pemantauan prestasi pelajar adalah seperti berikut:
 - a. Pembentangan laporan kemajuan kepada Jawatankuasa Khas Skim Zamalah;
 - b. Kelulusan oleh Jawatankuasa Khas Skim Zamalah.

9.0 PENAMATAN SKIM

Skim ini akan ditamatkan jika pelajar tersebut tidak memenuhi syarat iaitu:

- a. Laporan kemajuan didapati tidak memuaskan.
- b. Tempoh pengajian telah melebihi empat (4) semester bagi sarjana atau melebihi enam (6) semester bagi PhD.

10.0 CARA MEMOHON

Tawaran Skim Zamalah ini dibuka setahun sekali bergantung kepada kedudukan kewangan dan diiklankan melalui laman web LESTARI. Borang permohonan boleh dimuat turun di laman web LESTARI atau di perolehi daripada Pejabat Am LESTARI mengikut waktu pejabat.

Borang yang telah lengkap diisi perlu dihantar atau dikemukakan kepada Sekretariat Skim Zamalah LESTARI sebelum atau pada **15 Disember 2010** kepada alamat seperti berikut:

Sekretariat Skim Zamalah LESTARI
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-89214144/4149
Faks: 03-89255104
Mel-e: nieza@ukm.my
(u.p.: Puan Nurul Safaniza Che Ani)